

# Yoga diharam demi pelihara akidah umat Islam

## Senaman tak sesuai kerana elemen kepercayaan bersatu dengan tuhan, mantera pemujaan

Oleh Hasliza Hassan  
hasliza@bharian.com.my

**P**ENGHARAMAN senaman yoga oleh Muzakarah Jawa-tankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia yang bersidang pada 22 hingga 24 Oktober lalu, bukan dibuat secara 'suka-suka' sebaliknya demi memelihara akidah umat Islam.

Justeru, adalah menyedihkan apabila ada umat Islam mempertikaikan fatwa itu yang diputuskan selepas mengkaji dan meneliti hujah serta pandangan berkaitan yoga daripada masyarakat Hindu.

Ahli muzakarah berpendapat yoga yang menggabungkan amalan fizikal, unsur keagamaan, mantera dan pemujaan bagi mendapatkan ketenangan dan kemuncaknya, penyatuan diri dengan tuhan atau tujuan lain adalah tidak sesuai dan boleh merosakkan akidah umat Islam.

Hakikatnya, bukan yoga saja diharamkan kerana keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan adalah mengharuskan apa juga bentuk amalan bertentangan syariat Islam sementara amalan fizikal lain tidak menyalahi syariat tidak menjadi kesalahan.

Kerajaan memerangi penyebaran ajaran sesat yang jelas terpesong daripada al-Quran dan sunnah ialah demi memelihara akidah umat Islam supaya tidak terpesong daripada ajaran Islam.

Begitu juga dalam isu pengharman yoga, supaya umat Islam terpelam dari perbuatan menyalahi syariat disebabkan kepercayaan atau keyakinan dalam hati, menerusi perkataan dan pengakuan lidah serta melalui perbuatan.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin pada sidang media khas di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menjelaskan, yoga yang diperkenalkan sejak 3,000 tahun sebelum Masihi tidak sesuai bagi umat Islam kerana ada dua perkara yang boleh menghakis akidah umat Islam iaitu kepercayaan untuk ber-



BEBERAPA langkah dilakukan pengamal yoga.

satu dengan tuhan dan mantera pemujaan.

"Kita harap umat Islam lebih berhati-hati dan segera menghentikan kerana dikhuatiri kalau tidak tahu matlamatnya (bersatu dengan tuhan) boleh menyebabkan kita menjadi sesat.

"Ada umat Islam yang mengamalkan yoga tetapi tidak tahu matlamat. Yoga mengandungi tiga peringkat iaitu ajaran untuk kesihatan, keduanya membersihkan jiwa dan kekuatan fizikal dan peringkat ketiga bersatu dengan tuhan," katanya.

Sementara itu, menurut sumber Bahagian Penyelidikan Jakim, kepelbagaian teknik yoga yang dipersembahkan kepada orang ramai, ada yang mempunyai unsur penyelewengan akidah yang jelas.

Contohnya, kaedah dibawa oleh salah satu amalan yoga jelas boleh membawa kepada syirik dan pluralisme agama. Menurut ajaran pengasas yoga itu, yoga diajar mampu menyatukan inti kepada semua agama.

Dalam upacara yoga yang dilaksanakan pula, pelajar diminta menatap gambar wajahnya, serta menyebut dengan sepenuh hati, "Tbu (gelaran bagi beliau), beriklanlah aku kesedaran diri (selfrealisation)".

Sesetengah ajaran yoga lain pula mendakwa yoga ialah penyatuan tenaga tersendiri dengan tenaga di luar iaitu tenaga alam sekitar. Bermakna yoga ialah koleksi teknik dan amalan kerohanian bertujuan

untuk menyepadukan pemikiran, badan, jiwa, emosi dan kepercayaan.

Berdasarkan maklumat sumber Bahagian Penyelidikan Jakim itu lagi, matlamat tertinggi yoga ialah untuk mencapai nirvana atau moksha iaitu pelepasan diri daripada kitaran penjelmaan semula melalui kesedaran perpaduan dengan kebenaran muktamad. Ada tiga peringkat dalam kesedaran diri yang diberikan dalam Bhagavad Gita iaitu; Brahman: tenaga sejagat yang tidak bersifat peribadi, Paramatman: tuhan yang berada di pusat setiap hidupan, Bhagavan: tuhan sebagai satu personaliti, dengan bentuk kabur (trancendental).

Turut dijelaskan, fenomena yoga dikatakan mampu mengambil alih tempat agama bagi mengisi kekosongan jiwa dan rohani manusia itu sudah melahirkan kebimbangan kepada umat beragama.

Contohnya, pemimpin Gereja Roman Katolik pada 2004, memberi amaran kepada penganut Kristian terhadap senaman yoga yang dikatakan boleh mengikis amalan ibadat menurut agama Kristian.

BBC News pula melaporkan kenyataan berikut: "Gereja Roman Katolik memberi amaran kepada penganut Kristian mengenai terapi Era Baru untuk memenuhi keperluan kerohanian mereka. Menerbitkan hasil kajian enam tahun daripada amalan seperti yoga, feng



ANTARA gerak laku yoga.

shui dan kepawangan, Vatican mengatakan apa juga ganjaran individu daripada terapi itu, tidak satu pun yang menyediakan jawapan sebenar untuk manusia yang dahagakan kebahagiaan. Era Baru adalah jawapan mengelirukan harapan manusia - Cardinal Paul Poupard."

Fatwa Majlis Agama Islam Singapura menetapkan: "Yoga adalah antara perkara bidaah yang digolongkan ke dalam bidaah dhalalah. Ia mengandungi unsur agama Hindu. Segala perkara yang mengandungi unsur syirik dan boleh merosakkan kepercayaan (itikad) seperti menganjurkan kepada persemadian kepada yang bukan mengingati Allah adalah dilarang dan hukumnya haram."

Ibarat kata pepatah, mencegah lebih baik daripada mengubati, sewajarnya pihak yang melenting dengan keputusan pengharman yoga itu tenang dan bersangka baik dengan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan.

Menjadi kewajipan majlis itu untuk memelihara akidah umat Islam dari segi niat, perkataan dan per-

buatan berdasarkan firman Allah yang bermaksud: "Wahai orang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul, janganlah kamu membatalkan amalan kamu." (Surah Muhammad, ayat 33)

Ayat itu memerintahkan umat Islam tidak mempersia-siakan segala amalan kebajikan dengan sengaja membiarkan diri terjebak ke dalam perbuatan syirik. Menurut Imam al-Razi, perkara yang membatalkan amalan ialah syirik.

Firman Allah yang bermaksud: "Sekiranya kamu melakukan syirik, maka gugurlah amalan kamu." (Surah al-Zumat, ayat 65)

Oleh itu, melakukan yoga tanpa kefahaman mendalam mengenai akidah Islam, dikhuatiri boleh membawa kepada syirik kerana yoga mempunyai matlamat penyatuan diri manusia dengan tuhan.

Daripada Ibn Umar, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Barang siapa menyerupai (bertasyabbuh) dengan suatu kaum, maka ia termasuk di kalangan mereka." (Hadis riwayat Abu Daud)

Menurut Ibn Taimiyah, hadis ini dengan jelas menyebut larangan menyerupai orang kafir dalam hal berkaitan syiar agama mereka. Sedangkan yoga adalah sebahagian syiar ibadat agama Hindu.

Walaupun pengamal yoga mendakwa mereka mendapat manfaat tanpa sebarang unsur keagamaan luar, namun jalan itu dikhuatiri boleh menjejaskan akidah mereka sedikit demi sedikit.

Paling kurang berlakunya penyerupaan terhadap perbuatan agama Hindu walaupun dilakukan tanpa niat. Sedangkan mudarat akidah lebih besar daripada kebaikan manfaat kesihatan. Kesihatan fizikal mampu diperoleh walaupun bukan melalui senaman yoga.

Matlamat untuk memelihara kesihatan tidak boleh menghalalkan cara dan bagi tujuan memelihara kesihatan serta perubatan, Islam menegah umatnya menggunakan jalan atau perkara diharamkan.